



Kristus 4





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.

TIDAK LAMA SETELAH MUKJIZAT PERTAMA-NYA, YESUS DAN PENGIKUT-PENGIKUT-NYA PERGI KE WILAYAH YUDEA.

ORANG MULAI MENGIKUTI DIA. MENDENGAR DIA.



DAN MURID-MURIDNYA MEMBAPTISKAN RAMAI PENGIKUT BARU.

SUKAR DIPERCAYAI, KAN?

SAYA MERASA SEPERTI... TIDAK LAYAK...



MISI YESUS BERMULA DENGAN SUNGGUH-SUNGGUH.

DAN MEREKA MULAI MENDAPAT PERHATIAN.

APA PENDAPAT KAMU?

ENTAHLAH! YANG LEBIH PENTING, APA PENDAPAT YOHANES?



DI SEBERANG SUNGAI YORDAN...

GURU! GURU!

YA, YA, ADA APA?

ADAKAH GURU MASIH INGAT AKAN ORANG YANG DIBAPTIS GURU DI SEBERANG SUNGAI YORDAN ITU?



LIHATLAH, SEKARANG DIA MEMBAPTIS ORANG!

DAN SEMUA ORANG PERGI KEPADANYA!


APA YANG AKAN GURU LAKUKAN?

BAGAIMANAKAH SUPAYA SAYA BOLEH MEMAHAMKAN KAMU?











PERIGI
INI SANGAT
DALAM,
TUAN.

TUAN TIDAK
MEMPUNYAI TIMBA,
DARI MANA TUAN
BOLEH MENDAPAT AIR?

ADAKAH TUAN INI
CUKUP ISTIMEWA?

NENEK MOYANG KAMI,
YAKUB, MEMBERIKAN PERIGI INI
KEPADA KAMI. DIA, ANAK-ANAKN-
YA, DAN TERNAKANNYA MINUM
DARI PERIGI INI. ADAKAH TUAN
MENYANGKA BAHAWA TUAN LEBIH
BESAR DARIPADA
YAKUB?



YAKUB TELAH MINUM
DARI PERIGI INI,
NAMUN AKAN SELALU
DAHAGA LAGI.

AKU, KAMU ATAU
SESIAPAPUN YANG
MINUM AIR INI AKAN
DAHAGA LAGI.

TETAPI SESIAPA
MINUM AIR YANG AKAN AKU
BERIKAN KEPADANYA, DIA
TIDAK AKAN DAHAGA
SELAMA-LAMANYA.

AIR YANG AKAN AKU
BERIKAN ITU MENJADI
SUATU MATA AIR YANG
MEMANCAR DI DALAM
DIRINYA, DAN MEMBERI DIA
HIDUP SEJATI
DAN KEKAL.



TUAN, BERILAH SAYA AIR ITU,
SUPAYA SAYA TIDAK DAHAGA
LAGI DAN TIDAK USAH KEMBALI
KE SINI UNTUK MENIMBA AIR.

TAK PERLU LAGI SAYA
MELALUI ORANG-ORANG INI
DAN MATA MEREKA YANG
PENUH PENGHAKIMAN.




PERGILAH.

PANGGIL SUAMIMU
LALU KEMBALILAH
KE SINI.




SAYA...
SAYA TIDAK
BERSUAMI.



BETUL
KATAMU.

KAMU SUDAH BERKAHWIN
LIMA KALI, DAN LELAKI
YANG TINGGAL
DENGANMU SEKARANG INI
BUKAN SUAMIMU.

TUAN INI...
SEORANG NABI,
YA?





SIAP UNTUK DITUI!

SEKARANGLAH
WAKTUNYA UNTUK
MENUAI APA YANG TELAH
DITABUR SEBELUM AKU
DATANG!

-- DIA TAHU
SEGALA SESUATU
YANG PERNAH SAYA
LAKUKAN! DOSA-DOSA
SAYA!

BAHKAN HAL-HAL
YANG TIDAK DIKETAHUI
OLEH SESIAPA PUN!

DENGAR,
ALLAH ITU
ROH!

DAN PENYEMBAHNYA
HARUS MENYEMBAH
DALAM ROH DAN
KEBENARAN!

AKU AKAN
MENERANGKANNYA...

LALU YESUS TINGGAL DI SITU SELAMA DUA HARI. LEBIH BANYAK LAGI
ORANG PERCAYA KEPADA YESUS KERANA AJARAN-NYA.



SETELAH ITU, DIA PERGI KE GALILEA.



MASANYA
TELAH TIBA!

KERAJAAN ALLAH
SUDAH DEKAT, DAN
KAMU HARUS
BERTAUBAT!

BERTAUBATLAH
DAN
PERCAYALAH!

DI SANA, DIA DISAMBUT BAIK
OLEH ORANG-ORANG GALILEA.

DIA MENGAJAR DI SEKITAR KOTA
DAN RUMAH-RUMAH IBADAT.



DAN DIA MELAKUKAN
MUKJIZAT YANG KEDUA.

TUAN!

TUAN!!!

AKU PEGAWAI
KERAJAAN HERODES
ANTIPAS! AKU DATANG
DARI KAPERNAUM!

SAYA TELAH
MENDENGAR
PERBUATANMU
DAN ---

KAMU TIDAK AKAN
MENANGKAP YESUS
SEPERTI YOHANES!

KAMU SALAH
FAHAM!

SAYA TELAH
MENDENGAR
TENTANG KAMU!

DAN APABILA
MENDAPAT TAHU
KAMU DI SINI, SAYA
HARUS BERTEMU
DENGAN KAMU!

ANAK SAYA SUDAH
LAMA SAKIT DAN DIA
AKAN MATI BILA-BILA
MASA!

TOLONGLAH
DATANG DAN
SEMBUHKAN
ANAK SAYA!



JIKA KAMU SEMUA TIDAK
MELIHAT MUKJIZAT DAN
PERKARA YANG LUAR BIASA,
ADAKAH KAMU AKAN
PERCAYA?



TUAN, MARILAH
PERGI DENGAN SAYA
SEKARANG, SEBELUM
ANAK SAYA
MENINGGAL.

DIA DEMAM DAN
TIDAK MEMPUNYAI
BANYAK WAKTU
LAGI!

PERGILAH, ANAKMU
AKAN SEMBUH.

TUAN?

DIA AKAN
HIDUP!



DAN DEMAM ANAK ITU SEGARA
HILANG SEPERTI YANG
DIKATAKAN OLEH YESUS.

TEPAT PADA SAAT YESUS
MENYEBUTNYA.



KEMUDIAN YESUS PERGI
KE NASARET, TEMPAT DIA
DIBESARKAN.

PADA HARI SABAT,
YESUS TELAH PERGI KE RUMAH IBADAT.

RUMAH IBADAT YANG BIASA DIA PERGI
SELAMA MEMBESAR DI SANA.

BERSAMA ORANG-ORANG YANG
BIASA MELAKUKAN IBADAT
BERSAMANYA SELAMA INI.

SELAMAT KEMBALI, YESUS,
ANAK YUSUF!

SUDIKAH ENKAU MEMBACA
TULISAN PARA NABI?

YA, SUDAH
TENTU.

LALU DIA DIBERIKAN GULUNGAN NASKAH YANG
BERISI PERKHAABARAN DARIPADA NABI YESAYA.

"ROH TUHAN ADA PADA-KU.
DIA TELAH MELANTIK AKU SUPAYA
MENGKHABARKAN BERITA BAIK
KEPADA ORANG MISKIN."

"DIA MENGUTUS AKU SUPAYA
MENGUMUMKAN PEMBEBASAN KEPADA
ORANG TAWANAN, KESEMBUHAN BAGI
ORANG BUTA; DAN KEMERDEKAAN BAGI
ORANG YANG TERTINDAS, SERTA
MENGISYTIHARKAN MASANYA TUHAN
MENYELAMATKAN UMAT-NYA."

MENGIKUT BUDAYA,
SEMUA ORANG MENUNGGU.

SETELAH MEMBACA,
SI PEMBACA DIHARAPKAN
UNTUK MENGAJAR
TENTANGNYA.

KAMU
SUDAH PUN
MENDENGAR
AYAT-AYAT ALKITAB.

PADA HARI INI
AYAT-AYAT ALKITAB INI
SUDAH BERLAKU PADA
MASA KAMU
MENDENGARNYA.

APA?



KETAHUILAH,
SEORANG NABI TIDAK
PERNAH DIHORMATI
DI KAMPUNG
HALAMANNYA
SENDIRI!

MUNGKIN KERANA
KELAKUANNYA
BIADAP!



BAWA DIA
KE PUNCAK
BUKIT!

BUANG DIA KE
DALAM JURANG!



BUANG DIA –
EH, APA YANG
BERLAKU?

DI MANA
DIA?



TADI SAYA
MEMEGANG
DIA....

INI TAK MUNGKIN!

DI MANA
DIA?



YESUS?

BAGAIMANA --?

SUDAH
WAKTUNYA
UNTUK KITA
BERANGKAT...



YESUS MENINGGALKAN NAZARET,
DAN KEMUDIAN TINGGAL DI KAPERNAUM.

DI SANA PUN, ORANG RAMAI BERKERUMUN
MENGELILINGNYA UNTUK MENDENGAR
PENGAJARAN-NYA.

HAI,
PETRUS!



PETRUS?
SIAPA?
OH, YA...
SAYA...

HAI, YESUS!

BAGAIMANA HASIL
TANGKAPAN
SEMALAM?

UH..KURANG BAIK.
KAMI TIDAK
MENDAPAT IKAN...



ADA APA...
YANG BOLEH
SAYA BANTU?

YA, PETRUS,
ADA.

TOLONG TOLAK
PERAHU INI SEDIKIT
JAUH DARI PANTAI.

BAIKLAH.



YESUS DUDUK DI
PERAHU ITU, LALU
MENGAJAR ORANG
RAMAI.

DAN SETELAH
SELESAI...



TERIMA KASIH,
PETRUS.

SEKARANG SAYA
MAHU KAMU
MELAKUKAN SATU
PERKARA LAGI.

YA, GURU, APA
YANG BOLEH SAYA
BANTU?

OH, INI BUKAN
UNTUK SAYA.







SAYA TIDAK...
TIDAK PERCAYA...



GURU...
INI...

TUHAN.

TINGGALKAN
AKU, YA TUHAN!

AKU ORANG BERSOSA!
KEJI, TERUK DAN
SUNGGUH BERSOSA...



JANGAN TAKUT!

SAYA MAHU KAMU,
PETRUS, UNTUK
MENGIKUT AKU!

MULAI SEKARANG
KAMU AKAN
MENJALA ORANG
SUPAYA MENJADI
PENGIKUT-KU



MARI!



DI PERSISIRAN PANTAI....

ANDREAS,
APA YANG KAMU
SEDANG BUAT?

KAMI MENDENGAR
KAMU MENDAPAT
TANGKAPAN YANG
BESAR SEMALAM!

TIDAK! INI BARU
BERLAKU! TANGKAPAN
TERBESAR YANG
PERNAH SAYA
SAKSIKAN!

GURU!
KERANA
DIALAH INI
TERJADI!

GURU ITU.

SAYA TELAH DENGAR
TENTANG MUJIZAT...
DAN PENGAJARAN-NYA....

KALAU LAH MENJADI
PENGIKUT ORANG SEPERTI
DIA.... ALANGKAH LUAR
BIASANYA....

MARILAH
KAMU
BERDUA!

MARILAH
IKUT AKU!

PERGILAH,
NAK!

CEPAT!

ORANG INI
BERKUASA, BAIK
DALAM PERTUTURAN
DAN PERBUATAN!

MAKA MEREKA JUGA
MENGIKUT DIA.

MATIUS 4:18-22; MARKUS 1:14-20; LUKAS 5:1-11

PADA HARI SABAT BERIKUTNYA,
YESUS PERGI KE RUMAH IBADAT DAN
MULA MENGAJAR.

DI RUMAH IBADAT, MEREKA DIDATANGI--

ENGKAU MAHU
BUAT APA DENGAN
KAMI, HAI YESUS,
ORANG NASARET?

--OLEH SEORANG YANG
DIRASUK ROH JAHAT.

ADAKAH ENGKAU MAHU
MEMBINASAKAN KAMI?
YA, KAN? KAN?

AKU TAHU SIAPA
ENGKAU! YA SAYA
TAHU, SAYA TAHU, SAYA
TAHU, SAYA TAHU!

YA, KAMU
TAHU.

TAPI KAMU
TIDAK AKAN
MEMBERITAHU
SESIAPA!

DIAM! KELUARLAH
DARIPADA ORANG INI!

SEMUA ORANG SANGAT HAIRAN
KERANA DIA BUKAN SAHAJA
MENGAJAR DENGAN PENUH KUASA --

-- DIA JUGA BERTINDAK
DENGAN PENUH KUASA.


SETELAH MENINGGALKAN
RUMAH IBADAT...

TUAN,
SUDIKAH TUN
DATANG KE
RUMAH SAYA?

ENGKAU BERKUASA KE ATAS
ROH JAHAT DAN IKAN-IKAN --

"--IBU MERTUA SAYA DEMAM."

JEMPUTLAH
MASUK! JADI,
TUANLAH YESUS
YANG DICERITAKAN
SIMON!





SEORANG LELAKI YANG BERPENYAKIT KUSTA, SUATU PENYAKIT BERJANGKIT YANG KRONIK YANG MENCACATKAN ANGGOTA BADAN, SERTA MEMPENGARUHI SISTEM SARAF DAN ORGAN DALAMAN.

HIDUP BERPENYAKIT KUSTA ITU CUKUP MENYAKITKAN. DAN SUNYI AKIBAT DIJAUHI SEMUA ORANG KERANA TAKUT TERJANGKIT.

TUAN...

.....JIKA TUAN SUDI...

...SEMBUHKANLAH SAYA.

TOLONG...

AKU MAHU.

SEMBUHLAH!




SAYA...
SAYA...
OH! TERIMA
KASIH!

TERIMA
KASIH!



SEKARANG
PERGILAH!

PERGILAH KEPADA IMAM
DAN MINTALAH DIA MENGESAHKAN
KESEMBUHANMU. KEMUDIAN
PERSEMBAHKANLAH KORBAN SEPERTI
YANG DIPERINTAHKAN OLEH MUSA.



JANGAN
BERITAHU SESIAPA
PUN TENTANG
PERKARA INI.

YA
TUAN!
YA
TUAN!

TETAPI ORANG
ITU PERGI DAN
DIA TERUS-
MENERUS
MENCERITA-
KAN HAL ITU.



BERITA ITU MULA
MENYEBARKAN DI
MANA-MANA.

KAMU ADA
MENDENGAR
AJARANNYA,
SIMON?

DENGAR-DENGAR DIA
ADALAH MESIAS YANG
DIJANJI! MALAH DIA SENDIRI
YANG MENGAKUINYA!

SIAPA PUN BOLEH MENDAKWA
SEDEMIKIAN, YUDAS, YANG SAYA LEBIH
MINAT ADALAH PERBUATANNYA!



LAGIPUN, SEKARANG ADALAH
ZAMAN YANG SANGAT
MEMERLUKAN SEORANG
MESIAS!


BENAR
KATAMU,
SIMON!

YESUS BERGERAK DARI KOTA KE KOTA,
DAN ORANG RAMAI MENGIKUTINYA.

SUNGGUHPUN BERGITU, DIA SELALU
MENCARI TEMPAT YANG SUNYI UNTUK
BERSENDIRIAN DAN BERDOA.

KETIKA MENGAJAR DI KAPERNAUM, PARA PENGIKUT
DAN ORANG DATANG BERKUMPUL DI SITU UNTUK
MENDENGAR YESUS.

SEKUMPULAN ORANG FARISI DAN AHLI TAURAT
DARI DAERAH TERSEBUT JUGA DATANG UNTUK
MENDENGAR.





KETIKA YESUS MELALUI KAPERNAUM...



...KAMU INI TIDAK JAUH BEZA DARI BABI ROMAWI, MAJIKAN KAMU ITU, MATIUS LEW!!

SAYA MELAKUKAN KERJA SAYA DENGAN JUJUR, PERCAVALAH.

SAYA TAHU KAMU YANG MEMUNGUT CUKAI INI PASTI MEMINTA LEBIH, SUPAYA ADA UNTUK MEREKA DAN KAMU SENDIRI!!



PENCURI YANG BEKERJA UNTUK PENCURI --

APA YANG KAMU SEDANG LIHAT?

BUKANKAH ITU DIA? YESUS, GURU DAN PENYEMBUH.

BAH! DIA HANYALAH ORANG ALIM YANG TIDAK MUNGKIN MAHU MENDEKATI ORANG SEPERTI KAMU!



KAMU. IKUTLAH AKU.



BAGAIMANA PULA DENGAN AKU?

DAN SEMUA WANG AKU?

ADA PEMUNGUT CUKAI YANG LAIN... MEREKA AKAN MENOLONG KAMU!



SAYA MATIUS! SAYA TELAH BANYAK MENDENGAR TENTANG ORANG INI!

SAYA MATIAS DAN SEMUA ITU BENAR!

SAYA BARSABBAS. KAMI TELAH MENGIKUT YESUS DAN KAMI CUKUP TERUJA!



MALAM ITU, MATIUS MENGADAKAN JAMUAN BESAR DI RUMAHNYA UNTUK YESUS.

BANYAK PEMUNGUT CUKAI DAN ORANG LAIN MAKAN BERSAMA-SAMA MEREKA.



-- SAYA MERASA BEBAS SEKARANG, YAKOBUS!

KAMU YAKIN BOLEH BANGUN DAN PERGI SAHAJA SEPERTI INI?

SAYA MAHU MENINGGALKAN HIDUP ITU DENGAN SENANGNYA!



DAN KAMI AKAN MENYUSUL!

DENGAN SENANGNYA!



SAYA MENJEMPUT KAMU KE SINI SUPAYA BOLEH BERTEMU DENGAN TUAN SAYA!

SAYA TIDAK MAHU LAGI TUNDUK TERHADAP ROMA!

ATAU TERHADAP WANG!

TIDAK, SAYA MENGIKUT DIA, PENYEMBUH DAN GURU YANG SUCI!



LIHATLAH DIA!

KAMU BERDUA, MAKAN DAN MINUM BERSAMA-SAMA PEMUNGUT CUKAI DAN ORANG YANG DIHINA MASYARAKAT?



ORANG SIHAT TIDAK MEMERLUKAN DOKTOR, HANYA ORANG SAKIT.


TAHUKAH KAMU APA MAKSUD TUHAN APABILA DIA BERKATA, "AKU INGINKAN BELAS KASIHAN, BUKAN KORBAN BAKARAN"?

AKU DATANG BUKAN UNTUK ORANG YANG BERDOSA SUPAYA MEREKA BERTAUBAT DARIPADA DOSA.


BAIK SEKALI, TETAPI KAMU DUDUK DI SINI, MAKAN DAN MINUM--



PENGIKUT YOHANES DAN PENGIKUT ORANG FARISI KERAP KALI BERPUASA DAN BERDOA.



TETAPI MENGAPA PENGIKUT-MU MAKAN DAN MINUM DAN TIDAK BERPUASA



DAPATKAH KAMU MENYURUH TEMAMU DI JAMUAN PERKAHWINAN BERPUASA SELAMA PENGANTIN LELAKI BERSAMA-SAMA MEREKA? TENTU TIDAK!

TETAPI AKAN TIBA MASANYA PENGANTIN LELAKI ITU AKAN DIAMBIL DARIPADA MEREKA. PADA MASA ITULAH MEREKA AKAN BERPUASA.



TIDAK ADA ORANG
MENAMPAL PAKAIAN
LAMA DENGAN
SEPERCA KAIN BARU!

SEKIRANYA DIA MENCUBA,
DIA PASTI GAGAL!

KERANA TAMPALAN ITU AKAN
MENGECUT LALU MENGAKIBAT-
KAN KOYAKAN YANG LEBIH
BESAR.



DEMIKIAN JUGA TIDAK
ADA ORANG MENUANG
WAIN BARU KE DALAM
KIRBAT KULIT YANG
LAMA.

JIKA DIA
BERBUAT
DEMIKIAN, KIRBAT
ITU AKAN PECAH
DAN ROSAK,

LALU WAIN
ITU AKAN
TERBUANG.



"WAIN BARU HARUS DITUANG KE DALAM
KIRBAT KULIT YANG BARU JUGA, SUPAYA
KEDUA-DUANYA TETAP BAIK."

"TIDAK SEORANG PUN MAHU
MINUM WAIN BARU SETELAH MINUM
WAIN TUA."

"WAIN TUA LEBIH BAIK,
KATANYA."

SETELAH ITU, YESUS TERUS
MELAKUKAN DAN MENGATAKAN
HAL-HAL YANG MEMBUATKAN
ORANG-ORANG FARISI MARAH.



PADA SUATU HARI SABAT, YESUS TELAH DATANG
KE KOLAM BETESDA, YANG DIPERCAYAI MEMPUYAI
KUASA MENYEMBUHKAN.

SHALOM, TEMAN.
APA YANG KAMU
SEDANG TUNGGU?

KAMU ADA DI
SINI TETAPI
TIDAK TAHU?

KATA ORANG,
JIKA AIR KOLA MINI
BERKOCAK,
KITAB OLEH
DISEMBUHKAN!

MAHUKAH KAMU
SEMBUH?

TUAN, SAYA
SUDAH TIDAK DAPAT
BERJALAN SELAMA
TIGA PULUH LAPAN
TAHUN.


TUAN, TIADA
SESIAPA PUN DI SINI YANG
DAPAT MEMASUKKAN SAYA KE
DALAM KOLAM APABILA AIR
BERKOCAK. SEMENTARA SAYA
MENCUBA MASUK KE DALAM
KOLAM, ORANG LAIN TELAH
MENDAHULUI SAYA.



BANGUNLAH,
ANGKATLAH TIKARMU,
DAN BERJALANLAH.

SAYA SEMBUH!

SAYA HARUS
PULANG KE
KELUARGA SAYA!



PADA SUATU HARI SABAT, YESUS MELEWATI LADANG GANDUM. PENGIKUT-PENGIKUT-NYA LAPAR, DAN MEREKA MULA MEMETIK GANDUM LALU MEMAKANNYA.

DENGAN ITU MEREKA MELANGGAR HUKUM SABAT YANG MELARANG PENUAIAN GANDUM.



BELUM PERNAHKAH KAMU BACA APA YANG DILAKUKAN OLEH DAUD KETIKA DIA DAN ANAK BUAHNYA LAPAR? MEREKA MAKAN ROTI YANG SUDAH DIPERSEMBAHKAN KEPADA ALLAH, WALAUPUN PERBUATAN ITU MELANGGAR TAUROT. HANYA IMAM YANG DIBENARKAN MAKAN ROTI ITU.

YA, TAPI--

BELUM PERNAHKAH KAMU BACA DI DALAM TAUROT MUSA BAHAWA PADA SETIAP HARI SABAT, IMAM DI RUMAH TUHAN SEBETULNYA MELANGGAR HUKUM HARI SABAT? TETAPI MEREKA TIDAK DISALAHKAN.

YA, TAPI--



PERHATIKAN APA YANG AKU KATAKAN INI: DI SINI ADA YANG LEBIH PENTING DARIPADA RUMAH TUHAN.

HARI SABAT DITETAPKAN UNTUK KEPENTINGAN MANUSIA; MANUSIA TIDAK DIJADIKAN UNTUK HARI SABAT.

OLEH ITU ANAK MANUSIA JUGA BERKUASA ATAS HARI SABAT.



PADA HARI SABAT YANG LAIN, YESUS PERGI MENGAJAR DI RUMAH IBADAT.

TUAN! SAYA DENGAR BAHAWA ENKAU BOLEH MENYEMBUHKAN YANG SAKIT KUSTA SEKALI PUN!

TANGANKU PERLU PENYEMBUHAN!

KAMU ORANG FARISI! KAMU INGIN TAHU JIKA AKU AKAN MENYEMBUHKAN ORANG PADA HARI SABAT!



SEANDAINYA KAMU MEMPUNYAI SEEKOR DOMBA YANG JATUH KE DALAM LUBANG YANG DALAM PADA HARI SABAT, ADAKAH KAMU AKAN MEMBIARKAN DOMBA ITU?

MENURUT TAUROT, APAKAH YANG BOLEH KITA LAKUKAN PADA HARI SABAT?

BERBUAT BAIK ATAU BERBUAT JAHAT? MENYELAMATKAN ORANG ATAU MEMBINASAKAN MEREKA?

HULURKANLAH TANGANMU!



ORANG FARISI SANGAT MARAH DAN MULA BERUNDING SESAMA SENDIRI TENTANG APA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH MEREKA TERHADAP YESUS.



MEREKA MULA BERKOMPLOT DENGAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA GOLONGAN HERODES UNTUK MEMBUNUH YESUS.

YESUS MENDAPAT TAHU,
LALU PERGI.

SEMUA INI MENGENAPI NUBUATAN
YESAYA TENTANG MESIAS.

"INILAH HAMBA-KU, YANG TELAH KUKUATKAN; SEORANG YANG TELAH KUPILIH, DAN YANG MENYENANGKAN
HATI-KU. KUASA-KU TELAH KUBERIKAN KEPADANYA, DIA AKAN MEMBAWA Keadilan KEPADA SETIAP BANGSA."

PADA MASA ITU YESUS NAIK KE SEBUAH BUKIT UNTUK BERDOA SEMALAM-MALAMAN. APABILA HARI SUDAH
TERANG, DIA MEMANGGIL PENGIKUT-PENGIKUT-NYA LALU MEMILIH DUA BELAS ORANG DARIPADA MEREKA.

SIMON (YANG JUGA
DISEBUT-NYA PETRUS)

ADIK
PETRUS
ANDREAS.

YAKOBUS --

YUDAS
ISKARIOT.

--DAN YOHANES,
ANAK-ANAK
ZEBEDEUS

YUDAS ANAK
YAKOBUS, YANG
DIKENALI SEBAGAI
TADIUS.

SIMON SI
PATRIOT.

FILIPUS.

YAKOBUS ANAK
ALFEUS.

TOMAS, YANG
JUGA DIKENALI
SEBAGAI DIDIMUS
YANG BERERTI
"KEMBAR"

NATANAEL DARI
KANA, JUGA
DIKENALI SEBAGAI
BARTOLOMEUS.

MATIUS, JUGA DIKENALI
SEBAGAI LEWI, YANG
DAHULUNYA PEMUNGUT
CUKAI.

YESUS MENAMAKAN DUA BELAS ORANG ITU
RASUL, LALU MEMBERIKAN KUASA KEPADA
MEREKA UNTUK MENGUSIR ROH JAHAT DAN
MENYEMBUHKAN SEGALA MACAM PENYAKIT.

MATIUS 10:1-4; MARKUS 3:13-19; LUKAS 6:13-16



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV